



*Natasha Griggs*

Administrator of Christmas Island  
Administrator of the Cocos (Keeling) Islands



## Community Bulletin

### Laporan Perundingan Komuniti

#### - hasil rundingan komuniti tentang kemungkinan menubuhkan kasino

**Number:** A77/2018

**Date:** 18 December 2018

Saya dengan sukacitanya ingin mengumumkan bahawa Yang Berhormat Ahli Parlimen Puan Sussan Ley selaku Penolong Menteri telah mengeluarkan Laporan Perundingan Komuniti yang meringkaskan maklum balas yang diterima melalui rundingan dengan komuniti tentang kemungkinan menubuhkan sebuah kasino di Pulau Christmas. Laporan yang disediakan dalam bahasa Inggeris, Cina dan Melayu ini boleh dimuat turun daripada laman web Jabatan Infrastruktur, Pembangunan Regional dan Bandar Raya di <https://regional.gov.au/territories/publications/index.aspx>

Saya dan Jabatan ini amat menghargai masa dan usaha yang diambil oleh setiap orang, organisasi dan komuniti untuk menyediakan serahan dan menghadiri mesyuarat perundingan. Mesyuarat Dewan Perbandaran tempoh hari telah dihadiri lebih daripada 120 orang dan 35 serahan bertulis telah diterima. Manfaat, masalah dan cabaran daripada sebuah kasino, yang dibangkitkan oleh komuniti melalui perundingan dirakamkan ke dalam Laporan tersebut. Ramai peserta perundingan menyokong lesen kasino sebagai cara membina sebuah pusat peranginan bersepadu di Pulau Christmas, dengan itu menggalakkan pembangunan ekonomi dan membuka peluang pekerjaan. Walau bagaimanapun, sebilangan besar penduduk tidak menyokong lesen kasino dan khuatir tentang kesan buruknya terhadap komuniti.

Jabatan ini sedar bahawa keputusan mengenai lesen kasino perlu dibuat dengan segera kerana masa itu penting bagi komuniti dan Jabatan ini sudah memulakan proses menyusun usul untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan Australia. Maklum balas yang anda berikan melalui perundingan akan digunakan dalam usul ini. Penyusunan usul ialah tanggungjawab Jabatan ini. Selaku Pentadbir, saya tidak terlibat dengan penyusunannya. Saya dan Jabatan ini telah menghadiri beberapa taklimat kejujuran untuk memastikan bahawa proses membuat keputusan oleh Kerajaan Australia tentang pengeluaran lesen kasino adalah telus, adil dan mematuhi undang-undang, dasar dan garis panduan Komanwel. Jabatan ini akan terus berusaha sepanjang bulan Disember dan Januari untuk memastikan bahawa usul disiapkan dan boleh dibentangkan kepada Kerajaan Australia pada awal tahun 2019.

Natasha Griggs  
Administrator  
Territories of Christmas Island and the Cocos (Keeling) Islands

PO Box 868, Christmas Island INDIAN OCEAN 6798

Telephone: +61 8 9164 7960